

nasihat PM kepada komponen BN

Jangan berpakat dengan pembangkang

U. 16 SEP 1991

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak seharusnya mengadakan sebarang pakatan dengan parti pembangkang.

Menurut Perdana Menteri, sebarang bentuk pakatan di antara mana-mana anggota komponen BN dengan pihak pembangkang tidak akan menguntungkan.

Dalam hubungan ini, katanya, Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tidak akan mendapat sebarang manfaat jika mereka mengadakan pakatan dengan

DAP dan lain-lain parti pembangkang dalam pilihanraya negeri Sarawak 27 dan 28 September ini.

Katanya, jika pakatan mahu diwujudkan sekalipun, PBDS patut bekerjasama dengan parti-parti dalam BN3 yang terdiri daripada PBB, SUPP dan SNAP.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita sebagai mengulas dakwaan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud bahawa PBDS mungkin mempunyai pakatan dengan DAP dalam usaha untuk memenangi pilihanraya Sara-

wak.

Perdana Menteri ditemui selepas melepaskan para peserta acara Larian Perdana Kampungku di Dataran Merdeka pagi ini.

Beliau turut menyertai acara senamrobik di situ.

"Saya berharap perkara ini tidak berlaku kerana PBDS ialah sebahagian daripada kerajaan di peringkat Kerajaan Pusat cuma di negeri sahaja mereka pembangkang.

"Oleh itu kalau PBDS hendak mengadakan kerjasama, mereka patut mengadakan kerjasama, dengan BN di Sarawak dan bukan dengan DAP kerana ia tidak akan menguntungkan PBDS sendiri," tegas beliau.

Mengenai lawatannya ke Mexico, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, lawatan rasmi enam hari mulai esok bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan perdagangan di antara kedua buah negara.

Menurut beliau, Mexico ialah negara rakan perdagangan Malaysia yang ketiga besarnya di Amerika Selatan dan kunjungannya itu adalah sebagai meneruskan lawatan yang telah beliau adakan di negara-negara Amerika Selatan.

Katanya, selepas Mexico, beliau akan berlepas ke ibu pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat untuk menerangkan pendirian Malaysia berhubung beberapa masalah.

Bagaimanapun Perdana Menteri enggan memberitahu perkara-perkara yang berkaitan dengan pendirian Malaysia yang akan dibentangkan di PBB itu kelak.